

31 Oktober 2012 - Majlis Mesra Warga SK Tun Sas bersama Selia Selenggara Sdn Bhd telah diadakan di Dewan Tun Fatimah, SK Tun Sas. Majlis dihadiri oleh Yang Berbahagia, Tn. Hj. Husney Abu Hassan, Ketua Pegawai Operasi, Selia Selenggara Sdn Bhd dan beberapa orang pegawai tertinggi Selia Selenggara.

Pihak Selia Selenggara Sdn Bhd telah menyampaikan sumbangan peralatan keselamatan jalanraya iaitu vest keselamatan untuk murid dan kon keselamatan jalanraya.

Di samping itu juga pihak Selia Selenggara Sdn Bhd juga telah sudi memberikan sumbangan kewangan kepada pihak sekolah. Satu sesi ceramah keselamatan jalanraya juga diberikan oleh pegawai bahagian keselamatan jalanraya Selia Selenggara kepada semua murid tahun 4,5 dan 6.

Pihak pengurusan sekolah telah mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan mereka kepada pihak Selia Selenggara Sdn Bhd di atas sumbangan yang disampaikan



**'Murid-murid
SK Tun Sas
gembira'...**